



KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU  
SDN. BHD. (56141-K)

**POLISI KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN**

Adalah dengan ini syarikat sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya terhadap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan untuk semua kakitangan dan pihak yang terlibat dengan aktiviti syarikat. Syarikat juga bertanggung jawab menjaga kebajikan, keselamatan dan kesihatan kakitangannya dengan menyediakan tempat kerja dan cara bekerja yang selamat, selesa dan sesuai.


Syarikat komited untuk mengambil segala usaha yang munasabah bagi mengurangkan risiko agar pekerja tidak terdedah kepada sebarang bahaya yang boleh memudaratkan keselamatan dan kesihatan mereka. Ini selaras dengan kehendak peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam **AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM PEKERJAAN (AKTA 514)** dan mana-mana undang-undang yang berkenaan.

Dalam merealisasikan hasrat di atas, syarikat akan sentiasa memberi sokongan kepada program-program dan latihan kepada pekerja berkaitan dengan tanggung jawab masing-masing dalam hal keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Semua pekerja dan pengurusan perlu memberikan kerjasama bagi memastikan semua program yang dirancang berjalan dengan lancar.

Perlu ditekankan, semua individu mesti mempunyai kesedaran serta bertanggungjawab dalam menjalankan aktiviti syarikat dengan mematuhi dan mengamalkan segala peraturan keselamatan dan kesihatan pada sepanjang masa.

Polisi ini akan sentiasa disemak dan dikemaskini dari masa kesemasa mengikut keperluan.

**“UTAMAKAN KESELAMATAN DUNIA DAN AKHIRAT”**



**SUHAIRI BIN SULONG**

**Pengurus Besar Kanan**

**Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn. Bhd.**

Tarikh: .....1/6/2020.....